

No. Sebut harga: HS/SH/Q60/2025

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan :
Hospital Sibiu, Sarawak

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	*NO.SIRI PENDAFTARAN	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	ISUZU TROOPER(PACUAN EMPAT RODA).	QSG 2663	1	RM 4500.00

2. Aset boleh dilihat pada **24 NOVEMBER 2025 (ISNIN) hingga 05 DISEMBER 2025(JUMAAT)** di antara jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang (waktu berkerja) di Hospital Sibiu.
3. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset (KEW.PA 28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 5.Tawaran hendaklah sah bagi tempoh sembilan puluh (90) hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda dengan nombor sebutharga seperti berikut :

No.Sebutharga HS/SH/Q60/2025

5. Dokumen dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat :

**UNIT PEROLEHAN ASET & STOR,
PENGARAH HOSPITAL,HOSPITAL SIBU
JALAN OYA LAMA,BATU 5 1/2
96000 SIBU,SARAWAK**

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan **En Mathew Anak Henry Mundu**,di Unit Perolehan Aset dan Stor di talian **084-343333 samb.6651**
7. Tarikh tutup sebutharga pada **05 DISEMBER 2025(Jumaat) jam 12.00 tengahari**. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

(**Dr. NANTHAKUMAR A/L THIRUNAVUKKARASU**)

Pengarah Hospital

Alamat : Hospital Sibiu, Batu 5½, Jalan Ulu Oya, 96000, Sibiu, Sarawak

Tarikh : 31.10.2025

Cop :

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan **deposit** sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau **RM 5,000.00** mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Cek atau Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **PENGARAH HOSPITAL SIBU.**
3. Tawaran tanpa / kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is/where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan asset tersebut.
9. Penyebut harga boleh mengemukakan sebarang nilai tawaran walaupun kurang melebihi 70% daripada harga simpanan. Walau bagaimanapun pemilihan penyebut harga yang berjaya adalah tertakluk kepada nilai tawaran yang **tertinggi** dan **Kelulusan Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan.**
10. **Pembeli yang berjaya bertanggungjawab.**
 - A) Sebelum membawa keluar kenderaan dari Jabatan :

KEW.PA-27

- I. Menanggalkan / memadamkan nama jabatan pada badan kenderaan.
 - II. Menanggalkan Lesen Kenderaan Motor (LKM) yang masih berkuatkuasa dan menyerahkan kepada jabatan.
 - III. Alat komunikasi GIRN, stretcher, lampu siren (beacon light) dan alat komponen lain (ambulans) masih berfungsi atau :
 - IV. Alat komunikasi GIRN, alat takal penarik (winch) dan alat komponen lain (pacuan 4 roda) yang masih berfungsi (jika ada).
- B) Menguruskan dengan segera penukaran hak milik dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh bayaran penuh dijelaskan kepada Jabatan dan melapor kepada jabatan dari semasa ke semasa status kenderaan yang melibatkan lokasi penempatan, kerja-kerja pembaikan, pemeriksaan PUSPOKOM dan urusan penukaran hak milik Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
- C) Menguruskan dan menjelaskan sepenuhnya duti / cukai yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (JKDM) sekiranya tidak mendapat pengecualian.
- D) Menanggung segala kos yang terlibat bagi perkara 1 hingga 10 (c).